

Pembangunan Sabah, Sarawak dipertingkatkan

Kerajaan mahu rakyat di dua negeri dapat layanan sama seperti Semenanjung

Kuching: Kerajaan Persekutuan akan memberi lebih tumpuan kepada pembangunan di Sarawak dan Sabah selaras Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika menyatakan komitmen itu, Perdana Menteri menegaskan, Putrajaya perlu memberi tumpuan yang lebih kepada dua negeri berkenaan supaya rakyatnya mendapat layanan sama seperti penduduk di Semenanjung.

Sambil mengakui keadaan di Sarawak dan Sabah masih kurang diberi tumpuan berbanding negeri di Semenanjung, Dr Mahathir berkata, kerajaan terdahulu tidak memberi tumpuan sepenuhnya.

“Kalau kita bandingkan, kita lihat keadaan di Sarawak yang kaya dengan minyak, tetapi pembangunan tidak diagih sama rata antara rakyat di Sarawak sendiri dan antara Sarawak dan Semenanjung.

“Daripada kajian yang sudah kita lakukan, kita perlu beri tumpuan lebih kepada Sarawak dan

Sabah supaya rakyat di negeri ini akan dapat layanan sama dengan Semenanjung,” katanya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) berkata demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra, Program Berambah BERSATU Sarawak, di sini semalam.

Dr Mahathir juga menegaskan, tumpuan lebih kepada dua negeri berkenaan bukan atas sebab pilih kasih, tetapi kerana kenyataan sebenar bahawa walaupun Sarawak adalah negeri yang besar, pembangunannya agak ketinggalan kecuali di kawasan bandar.

“Di luar bandar, kita dapati kedudukan tidak seperti kita kehendaki. Sebab itu satu dasar baharu diperkenalkan Kerajaan Pusat untuk negara kita, untuk lihat agihan kekayaan secara adil dan saksama, kita ingin lihat pembangunan bersama,” katanya.

Katanya, pelaksanaan dasar berkenaan berbeza daripada dasar diperkenalkan sebelum ini kerana kerajaan mahu melihat kemakmuran bersama dicapai pada penghujung usaha, bukan pada permulaannya.

“Kita ingin tentukan yang kurang bernasib baik diberi peluang hanya dengan syarat mereka dapat menggunakan sepenuhnya peluang ini, bukan untuk menjual lesen dan kontrak, tetapi mereka akan berusaha sendiri.

“Malangnya, mereka tidak be-

rupaya dan tiada kemahiran. Kita akan betulkan dengan cara beri latihan, pengajaran mengenai pengurusan wang mereka, mengenai perniagaan mereka supaya bila dapat peluang, mereka tidak perlu jual kepada orang dilaksanakan dengan jaya.

“Mereka sebaliknya akan guna peluang itu untuk pertingkatkan pendapatan mereka. Dengan itu, jurang miskin dan kaya akan berkurangan,” katanya sambil menambah, Wawasan Kemakmuran Bersama disusun rapi supaya dapat dilaksanakan dengan jaya.

Bagaimanapun, katanya, tanpa sokongan rakyat, keadaan sekarang akan kekal seperti sedia ada jika rakyat tidak mahu berusaha mempertingkatkan kebolehan menerusi peluang yang diberikan.

“Kalau kita beri peluang, tetapi mereka tak ingin berusaha tingkatan kebolehan mereka, maka keadaan sedia kala ini akan berterusan. Kalau mereka sanggup kerja kuat melatih diri dan amanah, tidak jual segala peluang, insya-Allah mereka akan tingkatan kejayaan sendiri.

“Kita berjaya menyusun dan memahami bagaimana kemakmuran bersama dapat dicapai. Ini semua akan dapat dilakukan kerana kerajaan memang berminat memperhambakan diri kepada rakyat, tetapi rakyat juga harus sambut cadangan ini supaya ia berjaya,” katanya.

BERNAMA